

8565
MAHATHIR - BERSIH
(I)

1982

KUALA LUMPUR, 29 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MENGUMUMKAN SUSUNAN BARU KABINETNYA HARI INI MENINGATKAN PARA MENTERI, TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN BAHAWA MEREKA HENDAKLAH BERSIH, CEKAP DAN BERAMANAH.

+JIKA TIDAK, MEREKA TERPAKSA MENGUNDURKAN DIRI,+ TEGAS PERDANA MENTERI.

+DAN SEKIRANYA SAYA TIDAK BERSIFAT DEMIKIAN, SAYA JUGA TERPAKSA BERUNDUR,+ KATANYA KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN MENGENAI SEJAUH MANA BARISAN BARU ITU MENCERMINKAN IKRAR BARISAN NASIONAL UNTUK MEWUJUDKAN SEBUAH KERAJAAN YANG BERSIH, CEKAP DAN AMANAH.

PERDANA MENTERI BERKATA SEJAUH YANG BELIAU KETAHUI, KESEMUA YANG DILANTIK DALAM SUSUNAN BARU ITU TERDIRI DARI MEREKA YANG BERSIH, CEKAP DAN BERAMANAH.

+TETAPI SEMUA INI PERLU DIBUKTIKAN DAN SEKIRANYA TIDAK, MEREKA TERPAKSALAH MENGUNDURKAN DIRI,+ TAMBAHNYA. -- BERSAMBUNG 1450/MK

8572
MAHATHIR - BERSIH 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA BELIAU TELAH TIDAK MEMBUAT PERUBAHAN BESAR DALAM SUSUNAN BARU ITU KERANA TIDAK MAHU BERLAKU SEBARANG GANGGUAN TERHADAP PELAKSANAAN TUGAS PELBAGAI KEMENTERIAN.

KATANYA, BELIAU TELAH MEMBUAT BEBERAPA PERUBAHAN SEMASA MENGAMBIL ALIH JAWATAN PERDANA MENTERI TAHUN LALU DAN PARA MENTERI AKAN TERGANGGU TUGASNYA JIKA MEREKA TERUS MENERUS DITUKARKAN KERANA MEREKA AKAN TERPAKSA MEMULAKAN TUGAS MADING-MADING DARI TAHAP AWAL APABILA DIBERI POTFOLIO BARU.

PERUBAHAN AKAN HANYA DILAKUKAN APABILA IA BENAR-BENAR PERLU DAN DALAM SUSUNAN BARU ITU BELIAU HANYA MENEMPATKAN MENTERI-MENTERI BARU DI TEMPAT YANG KOSONG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MAHUKAN MEREKA YANG DILANTIK ITU BENAR-BENAR AKTIF DALAM MENGAWASI PERJALANAN KEMENTERIAN MASING-MASING DAN JUGA MENGEKALKAN HUBUNGAN TERUS DENGAN RAKYAT.

BELIAU JUGA MENERANGKAN BAHAWA LANGKAH MEWUJUDKAN SEBUAH KERAJAAN YANG CEKAP ADALAH SATU PROSES YANG BERTERUSAN.

''Sesuatu langkah itu tidak akan menghasilkan mewujudkan sebuah kerajaan yang benar-benar cekap dan apap yang kami lakukan sekarang ialah mengkaji berbagai-bagai aspek dalam perjalanan kerajaan dengan tujuan mengesan segala kelemahan bagi mengatasinya,'' tegas beliau. -- BERSAMBUNG 1515/MB

MAHATHIR - BERBIH 3 KUALA LUMPUR

MENURUT PERDANA MENTERI, BELIAU AKAN MEMBERI TAKLIMAT KEPADA SEMUA MENTERI TENTANG APA YANG DIKEHENDAKI DARI MEREKA DALAM SIDANG KABINET YANG PERTAMA YANG DIJADUALKAN RABU DEPAN.

BELIAU AKAN JUGA MENGADAKAN PERTEMUAN BERASINGAN DENGAN SEMUA TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERCADANG UNTUK MENEMUI ANGGOTA-ANGGOTA EXCO DARI SEMUA NEGERI BAGI MENJELASKAN KEPADA MEREKA TAKRIF YANG SEBENAR MENGENAI TUGAS-TUGAS KERAJAAN ''SUPAYA SEJAJAR DENGAN APA YANG KAMI FIKIRKAN,''

PERDANA MENTERI BERKATA TAFSIRAN BELIAU MENGENAI KERAJAAN YANG BERSIH, CEKAP DAN AMANAH IALAH MEREKA YANG DILANTIK MESTILAH MENJALANKAN TUGAS DENGAN BERSIH DAN TIDAK TERLIBAT DALAM SEBARANG PERBUATAN RASUAH.

MEREKA JUGA HENDAKLAH MEMBERI PERHATIAN PENUH KEPADA TUGAS MASING-MASING DAN SENTIASA MEMBERIKAN KHIDMAT YANG TERBAIK KEPADA RAKYAT DAN KERAJAAN. -- BERNAMA 1520/MB